

**PERLETAKAN STESEN BAS EKSPRES DI BANDAR KANGAR,
PERLIS INDERA KAYANGAN**

Oleh

MUHAMMAD HAIKHAL BIN SAAD

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PERAK)
SERI ISKANDAR**

OKTOBER 2012

ABSTRAK

Secara umumnya, pengangkutan awam terdiri daripada perkhidmatan bas domestik, bas ekspres, teksi, keretapi dan kapal terbang searus dengan teknologi masa kini. Stesen bas ekspres merupakan salah satu laluan masuk ke sesebuah kawasan. Ia juga digunakan oleh pemandu, penumpang, pelancong dan orang awam yang menggunakan perkhidmatan bas ekspres untuk istirahat dan melakukan perjalanan. Disebabkan oleh peranannya yang penting, stesen bas yang disediakan haruslah berada dalam keadaan yang baik, lengkap dengan kemudahan yang diperlukan dan lokasi yang strategik serta baik. Sehubungan dengan itu, Stesen Bas Ekspres di Bandar Kangar, Perlis merupakan antara elemen kemudahan pengangkutan awam yang penting kerana stesen bas telah dirancang selaras dengan peningkatan pengangkutan awam. Faktor asas penyediaan stesen bas untuk mempertingkatkan keselamatan pengguna di jalan raya serta mengelak kesesakan jalan raya dari kenderaan seperti bas yang mengambil dan menurunkan penumpang. Pada masa hadapan, pengangkutan awam seperti stesen bas merupakan satu kemestian perlu ada dalam pembangunan sesebuah kawasan terutamanya di kawasan bandar yang pesat dan sedang membangun. Perancangan yang teliti dan tersusun serta mengambil kira faktor yang berkaitan, penting di dalam perancangan pengangkutan awam. Perancangan stesen bas memerlukan perhatian dari faktor perletakan dan kemudahan yang perlu disediakan. Perletakan stesen bas memainkan peranan penting dalam aspek kemudahsampaian dan keselesaan orang ramai terutama pengguna awam. Walau bagaimanapun, Stesen Bas Ekspres Kangar sedia ada mempunyai masalah dari segi perletakan stesen bas dan elemen kemudahan sokongan yang tidak relevan dan sempurna pada masa kini mengikut peredaran masa. Oleh itu kajian ini berperanan bagi mengkaji perletakan stesen bas ekspres Kangar sedia ada dan menyediakan cadangan stesen bas ekspres Kangar yang bakal diwujudkan dengan mengenalpasti lokasi yang sesuai di kawasan tersebut ini melibatkan pelbagai peringkat kajian bermula daripada kajian awalan, pengumpulan maklumat, analisis, penemuan dan peringkat yang terakhir adalah cadangan. Secara keseluruhannya, cadangan mewujudkan stesen bas ekspres Kangar yang baru mampu meningkatkan dari segi kegunaan stesen bas ekspres Kangar itu sendiri dan menjadi pintu masuk utama bagi sesebuah negeri dengan menyediakan perletakan stesen bas ekspres Kangar yang baru selaras dengan lokasi yang sesuai dan elemen kemudahan sokongan yang terdapat di dalam sesebuah stesen bas disamping memberi kesan kepada pengguna awam supaya galakan menggunakan perkhidmatan bas ekspres di Bandar Kangar.

PENGHARGAAN

Bismillahhirrahmanirrahim.

Alhamdullillah, dengan segala puji bagi Allah S.W.T. Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah rahmat-NYA dapat saya menyiapkan kajian akhir ini pada jangkaan masa yang telah diberikan.

Di sini saya dengan rasa rendah diri mengucapkan sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia kajian akhir saya iaitu Encik Izzamir bin Ismail yang telah memberi dorongan dan bimbingan serta tunjuk ajar sepenuhnya kepada saya sepanjang masa kajian ini dijalankan bagi menghasil dan mencorakkan kaedah persembahan serta penampilan di dalam kajian akhir ini. Oleh yang demikian, segala tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan akan digunakan dengan sebaik mungkin di dalam menghasilkan kajian akhir ini. Selain itu, tidak lupa juga kepada Koordinator Program Diploma Perancangan Bandar Dan Wilayah, Prof. Madya Mohamed Noor Mohid dan Koordinator Kajian Akhir, Dr. Mohd Fadzil Abdul Rashid yang membantu dengan memberi maklumat dan memastikan perjalanan kajian akhir berjalan dengan lancar.

Seterusnya, ucapan ribuan terima kasih juga kepada kedua ibu bapa saya yang tidak jemu untuk memberi semangat, nasihat dan berkat doa serta restu mereka dalam memastikan kajian ini berjalan lancar dan berjaya. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang membantu walaupun sibuk dengan tugas dan komitmen yang lain serta memberi sokongan dalam mengharungi cabaran dan masalah bersama-sama. Akhir kata, segala jasa dan kerjasama yang telah diberikan adalah amat dihargai dalam menjalani tanggungjawab sebagai seorang pelajar.

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Rajah	viii
Senarai Jadual	ix
Senarai Lampiran	x

KANDUNGAN	MUKA SURAT
------------------	-------------------

BAB 1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Kenyataan Isu Dan Masalah	1
1.3 Matlamat Kajian	3
1.4 Objektif Kajian	3
1.5 Skop Kajian	4
1.6 Kaedah Kajian	4
1.6.1 Pengamatan Sendiri	4
1.6.2 Kaji Selidik Secara Bersemuka	5
1.7 Metodologi Kajian	5
1.7.1 Peringkat 1 : Pembentukan Tujuan & Objektif	5
1.7.2 Peringkat 2 : Kajian Awalan	6
1.7.3 Peringkat 3 : Pengumpulan Data	6
1.7.4 Peringkat 4 : Analisis Data Dan Penemuan Kajian	7
1.7.5 Peringkat 5 : Cadangan	7
1.8 Carta Alir Kerja	8
1.9 Rumusan	9

BAB 2.0 PERLETAKAN STESEN BAS EKSPRES
--

2.1 Pengenalan	10
2.2 Definisi Pengangkutan Awam	10
2.3 Definisi Stesen Bas	11

BAB 1.0

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penyediaan sistem pengangkutan awam merupakan antara komponen yang penting dalam sesebuah kawasan pusat bandar. Sistem pengangkutan awam khasnya bagi sesebuah kawasan pusat bandar tidak akan lengkap dan baik tanpa adanya penyediaan kemudahan ini. Elemen kemudahan ini juga secara tidak langsung dapat menyumbangkan ke arah pertumbuhan ekonomi setempat. Selain itu, ia juga bertindak sebagai aspek utama dalam pembentukan sesebuah kawasan bandar.

Secara umumnya, mengetahui bahawa pengangkutan awam terdiri daripada perkhidmatan bas domestik, bas ekspres, teksi, keretapi dan kapal terbang searus dengan teknologi masa kini. Kajian ini untuk mengkaji adakah perletakan stesen bas ekspres Kangar sedia ada dapat menampung permintaan pengguna awam dan bilangan bas ekspress yang semakin meningkat serta relevan pada zaman sekarang untuk kemudahan awam. Stesen bas ekspres merupakan salah satu laluan masuk ke sesebuah kawasan. Ia juga digunakan oleh pemandu, penumpang, pelancong dan orang awam yang menggunakan perkhidmatan bas ekspres untuk istirahat dan melakukan perjalanan. Disebabkan oleh peranannya yang penting, stesen bas yang disediakan haruslah berada dalam keadaan yang baik, lengkap dengan kemudahan yang diperlukan dan lokasi yang strategik serta baik.

1.2 Kenyataan Isu dan Masalah

Pemilihan tapak kajian ini kerana timbulnya masalah daripada pengguna, orang ramai dan masyarakat setempat terhadap perletakan Stesen Bas Ekspres Kangar tidak lagi sesuai kerana beberapa masalah yang telah dikenalpasti :